A

Pendakwa Raya lwn Long Say Lein

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO J-05(SH)-15–01 TAHUN 2016
MOHTARUDIN BAKI, KAMARDIN HASHIM DAN ABDUL KARIM ABDUL JALIL HHMR
21 NOVEMBER 2016

C

Prosedur Jenayah — Pertuduhan — Pindaaan — Responden dituduh atas kesalahan mengedar dadah di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) ADB — Responden disabitkan bersalah oleh hakim bicara atas tuduhan pindaan memiliki dadah di bawah
D *s 12(2) ADB dan dihukum penjara sepuluh tahun di bawah s 39A(2) ADB — Sama ada tindakan hakim bicara menjatuhkan hukuman berdasarkan tuduhan pindaan adalah betul — Kanun Tatacara Jenayah ss 167 & 169*

E *Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Pembawa tak bersalah — Responden dituduh atas kesalahan mengedar dadah di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) ADB — Responden disabitkan bersalah oleh hakim bicara atas tuduhan pindaan memiliki dadah di bawah s 12(2) ADB dan dihukum penjara sepuluh tahun di*
F *bawah s 39A(2) ADB — Sama ada pembelaan 'innocent carrier' terpakai — Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 12(2), 39A(2), 39B(1)(a) & 39B(2)*

Responden telah dituduh dengan kesalahan mengedar dadah di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') yang boleh dihukum di
G bawah s 39B(2) Akta yang sama. Berdasarkan kes pendakwaan, dadah jenis methamphetamine telah dijumpai di dalam sebuah beg hitam yang dibawa oleh responden di dalam beg sandangnya ketika pemeriksaan dijalankan. Ketika pemeriksaan ingin dijalankan ke atas beg sandang tersebut, responden enggan memberikan kerjasama. Dalam pembelaannya, responden menyatakan
H bahawa dia telah disuruh oleh suaminya untuk mengambil sebuah komputer riba daripada kawan suaminya di 'Mustapha Shopping Centre, Singapura' dan setelah mengambil beg komputer riba tersebut, dia terus memasukkannya ke dalam beg sandangnya tanpa membukanya terlebih dahulu. Responden juga menyatakan bahawa dia telah meletakkan beg sandang tersebut di dalam 'taxi
I boot' sepanjang perjalanannya untuk berjumpa dengan suaminya di Jalan Trus, Johor Bahru. Selepas ditahan oleh pihak polis, responden telah dibawa ke Gereja St Teresa Church untuk mencari suaminya seperti yang telah dijanjikan oleh suaminya, namun suaminya tidak dapat dikesan. Di akhir kes pembelaan, hakim bicara telah meminda pertuduhan asal kepada kesalahan pemilikan di

bawah s 12(2) ADB yang boleh dihukum di bawah s 39A(2) ADB dan selanjutnya telah menjatuhkan hukuman sepuluh tahun penjara. Pihak pendakwaan tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut dan telah memfailkan rayuan ini dengan alasan: (a) hakim bicara terkhilaf apabila membuat dapatan bahawa responden adalah seorang 'innocent carrier'; (b) hakim bicara gagal memberikan pertimbangan terhadap fakta bahawa responden enggan membenarkan pihak polis menjalankan pemeriksaan terhadap beg komputer riba yang dibawa olehnya; dan (c) hakim bicara terkhilaf apabila gagal mensabitkan responden atas kesalahan mengedar dadah setelah mendapati responden mempunyai kawalan, jagaan, milikan dan pengetahuan salah terhadap dadah tersebut. Responden pula bergantung sepenuhnya atas pembelaan 'innocent carrier'.

Diputuskan, mengetepikan sabitan dan hukuman dan menggantikan dengan sabitan di bawah s 39B(1)(a) ADB dan hukuman gantung sehingga mati:

(1) 'Innocent carrier' tidak terpakai kepada responden dalam kes ini kerana kelakuan responden yang menunjukkan pengetahuannya terhadap barang kes dadah apabila dia enggan membenarkan pihak polis menjalankan pemeriksaan ke atas beg sandang yang dibawanya (lihat perenggan 33).

(2) Prinsip 'wilfull blindness' turut terpakai dalam kes ini apabila responden langsung tidak membuat apa-apa pemeriksaan terhadap kandungan beg komputer riba tersebut walaupun responden mempunyai peluang dan masa yang panjang untuk membuat pemeriksaan. Dalihan responden dengan mengatakan beg sandang diletakkan dalam but teksi adalah tidak munasabah dan satu pemikiran terkemudian untuk menidakkan peluangnya untuk membuat pemeriksaan (lihat perenggan 34).

(3) Responden tidak memberikan keterangan yang benar dan jujur apabila menyatakan bahawa responden perlu menyerahkan beg komputer riba itu kepada suaminya di Jalan Trus dan juga di Gereja St Teresa Church kerana suaminya di dapati tidak berada di kedua-dua tempat tersebut. Oleh itu, 'innocent carrier' tidak terpakai di dalam kes semasa (lihat perenggan 37).

(4) Tindakan hakim bicara mengemukakan pertuduhan pindaan, membaca dan menerangkan pertuduhan pindaan kepada responden dan responden telah mengaku salah terhadap pertuduhan pindaan di bawah s 12(2) ADB merupakan suatu tindakan di luar aturan dan di luar kehendak peruntukan di bawah ss 167 dan 169 Kanun Tatacara Jenayah (lihat perenggan 40).

[English summary

The respondent was charged with the offence of trafficking in drugs under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the DDA') punishable under

s 39B(2) of the same Act. Based on the prosecution's case, the methamphetamine drugs were found in the black bag carried by the respondent in his sling bag when an inspection was carried out. When the inspection was about to be carried out on the sling bag, the respondent refused to cooperate. In her defence, the respondent stated that she was told by her husband to take a laptop from her husband's friend at 'Mustapha Shopping Centre, Singapore' and after taking the laptop bag, she placed in her sling bag without opening it first. The respondent further added that she had placed the sling bag in a taxi boot throughout the journey to meet her husband in Jalan Trus, Johor Bahru. After being detained by the police, the respondent was taken to St Teresa Church to look for her husband as promised by her husband but her husband was nowhere to be found. At the end of the defence's case, the trial judge amended the original charge to an offence of possession under s 12(2) of the DDA, punishable under s 39A(2) of the DDA and further sentenced her to ten years imprisonment. The prosecution was dissatisfied with the said decision and proceeded to file this appeal on the grounds that: (a) the trial judge erred in finding that the respondent was an innocent carrier; (b) the trial judge failed to give consideration over the fact that the respondent refused to let the police carry out an inspection on the laptop bag which she was carrying; and (c) the trial judge erred in failing to convict the respondent for the offence of trafficking after having found that the respondent had control, custody, possession and knowledge on the drugs. On the other hand, the respondent fully-relied on the defence of innocent carrier.

Held, setting aside the conviction and sentence and substituting it with a conviction under s 39B(1)(a) of the DDA and death penalty:

(1) The defence of innocent carrier was not available to the respondent in this case when the respondent's demeanor showed that she had knowledge of the incriminating drug items when she refused to let the police carry out an inspection on the sling bag which she was carrying (see para 33).

(2) The principle of willful blindness was also applicable to this case when the respondent did not check the contents of the laptop bag even though she had the opportunity and ample time to do so. The respondents allegation that the sling bag was placed in a taxi boot was unreasonable and an afterthought to negate the opportunity to carry out an inspection (see para 34).

(3) The respondent did not give a true and honest testimony when she stated that she had to hand the laptop bag at Jalan Trus and St Teresa Church because her husband were not at both places. Therefore, the defence of innocent carrier was not applicable to this case (see para 37).

(4) The trial judge's act of adducing the amended charge, reading and explaining the same to the respondent and the respondent admitting

guilt to the amended charge under s 12(2) of the DDA was an irregular act and not a requirement stated by the provisions under ss 167 and 169 of the Criminal Procedure Code (see para 40).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai pembawa tak bersalah, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 260.
Untuk kes-kes mengenai pindaaan, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 1392–1394.

Kes-kes yang dirujuk

Munuswamy Sundar Raj v PP [2015] 6 MLJ 214, MP (dirujuk)
Najmudeen Abdul Kader lwn Pendakwa Raya [2013] 4 MLJ 18, MR (dirujuk)
PP v Hla Win [1995] 2 SLR 424, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 12(2), 39B(1)(a), 39A(2), 39B(2)
Kanun Tatacara Jenayah ss 167, 169

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45A-11–04 Tahun 2014 (Mahkamah Tinggi, Johor Bahru)

Zhafran Rahim Hamzah (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.
Yoong How Kiat (Noor Din bin Hussin bersamanya) (HK Yoong) bagi pihak responden.

Kamardin Hashim HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

PENGENALAN

[1] Pada asalnya Long Say Lein ('responden') telah dituduh dengan suatu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) ADB.

[2] Butir-butir pertuduhan adalah seperti yang berikut:

> Bahawa kamu pada 5 January 2014, jam lebih kurang 6.30 petang, di Terminal Bas Sentral, Jalan Trus, dalam Daerah Johor Bahru dalam Negeri Johor Darul Takzim telah didapati mengedar dadah berbahaya jenis Methamphetamine berat bersih 2259.70 gram. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[3] Namun demikian di akhir kes pembelaan, YA hakim bicara telah

meminda pertuduhan kepada kesalahan pemilikan di bawah s 12(2) ADB yang boleh dihukum di bawah s 39A(2) ADB dan selanjutnya telah menjatuhkan hukuman penjara selama sepuluh tahun dari tarikh tangkapan.

[4] Pihak pendakwaan tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut dan telah merayu terhadap keseluruhan keputusan dan hukuman yang telah diberikan oleh YA hakim bicara.

VERSI KES PENDAKWAAN

[5] Bertindak atas maklumat, pada 5 Januari 2014, lebih kurang pukul 5 petang, Insp Azrul Izwan bin Abdul Latif ('SP4') telah memberikan taklimat kepada seorang pegawai polis dan beberapa orang anggota ('pasukan serbuan polis tersebut') mengenai aktiviti pengedaran dadah.

[6] Susulan itu, lebih kurang pukul 5.30 petang hari yang sama, SP4 dan pasukan serbuan polis tersebut telah bergerak ke satu terminal bas. SP4 telah mengarahkan anggota pasukan serbuan polis tersebut untuk membuat pemerhatian secara bergerak dan tidak berada pada satu-satu tempat sahaja.

[7] Pada lebih kurang pukul 6.30 petang, SP4 melihat seorang perempuan Cina yang kemudiannya dicamkan sebagai responden dalam keadaan yang mencurigakan. Diperhatikan juga responden sedang berjalan sambil menggalas sebuah beg dan memerhatikan keadaan sekeliling.

[8] SP4 kemudiannya telah menghampiri responden, memperkenalkan diri sebagai pegawai kanan polis dengan menunjukkan kad kuasa. SP4 telah meminta kad pengenalan responden dan mendapati bahawa responden bernama 'Long Say Lein'. Responden berada dalam keadaan takut sewaktu SP4 memperkenalkan dirinya sebagai pegawai kanan polis.

[9] SP4 telah mengarahkan seorang anggota pasukan serbuan iaitu Kpl Maisara untuk menjalankan pemeriksaan badan ke atas responden. Hasil pemeriksaan, Kpl Maisara tidak menjumpai apa-apa barang salah. Kpl Maisara selanjutnya meminta untuk membuat pemeriksaan terhadap beg sandang yang dibawa oleh responden tetapi responden enggan memberikan kerjasama.

[10] SP4 seterusnya telah membuat pemeriksaan terhadap beg sandang responden ('eksh P7A'). Sebelum pemeriksaan dibuat, responden memaklumkan bahawa terdapat sebuah komputer riba (*laptop*) di dalam beg sandangnya. Responden hanya menundukkan kepala dan berdiam diri sewaktu SP4 membuat pemeriksaan terhadap beg sandangnya.

[11] Hasil pemeriksaan di poket hadapan beg sandang tersebut, SP4

mendapati bahawa terdapat satu pasport Malaysia ('eksh P7A') dan satu kad permit kerja Singapura ('eksh P9B') atas nama responden.

[12] Setelah membuat pemeriksaan di dalam beg sandang tersebut, SP4 mendapati adanya sebuah beg hitam bertulis 'COSTA' yang berbentuk seperti beg komputer riba ('eksh P7B'). SP4 mendapati bahawa beg hitam tersebut tidak mengandungi apa-apa barang, namun demikian SP4 mendapati beg hitam tersebut adalah berat.

[13] Seterusnya, hasil pemeriksaan rapi di bahagian dalam beg hitam tersebut, SP4 mendapati beg tersebut telah diubah suai dengan terdapatnya kesan jahitan benang kasar. SP4 telah menggunakan sebilah pisau untuk membuka jahitan tersebut dan mendapati satu kerajang (foil) aluminium ('eksh P7B(2)'). Dalam kerajang aluminium tersebut terdapat ketulan kristal yang disyaki dadah jenis syabu (*methamphetamine*).

[14] Setelah membuat pemeriksaan selanjutnya di dalam beg hitam tersebut, SP4 mendapati adanya satu lagi ruangan yang mempunyai jahitan benang kasar. Apabila dibuka, didapati satu kerajang aluminium yang di 'selotape' dengan pita (*tape*) berwarna coklat ('eksh P7B(4)'). Setelah membuat torehan, SP4 mendapati kerajang aluminium itu mengandungi ketulan kristal yang disyaki dadah jenis syabu (*methamphetamine*).

[15] Setelah selesai membuat pemeriksaan, lebih kurang pukul 7 malam, SP4 dan pasukan serbuan polis tersebut telah pulang ke Pejabat Narkotik, Ibu Pejabat Kontinjen, Johor ('IPK'). Setibanya di IPK, SP4 telah mengambil tindakan yang berikut iaitu menimbang berat barang kes, menyediakan borang bongkar, membuat penandaan, membuat laporan polis dan menyediakan borang serah menyerah.

[16] Lebih kurang pukul 1.30 pagi, SP4 telah menyerahkan semua barang kes kepada pegawai penyiasat, ASP Lalitha a/p Nagarajan ('SP6'). SP6 telah membuat timbangan barang kes di hadapan responden dan kemudian menyimpan barang kes dalam kabinet berkunci miliknya.

[17] Pada 6 Januari 2014, lebih kurang pukul 8 pagi, SP6 telah mengambil tindakan dengan pergi ke tempat kejadian dan mengambil gambar dan kemudiannya menghantar barang kes ke Jabatan Kimia untuk dianalisis.

[18] Hasil analisis oleh ahli kimia iaitu Encik Abdul Rahim bin Shadan ('SP3') mengesahkan bahawa barang kes tersebut ialah dadah berbahaya methamphetamine seberat 2259.70g, hal perkara dalam pertuduhan.

KEPUTUSAN HAKIM BICARA DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[19] Di akhir kes pendakwaan, YA hakim bicara telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap responden.

[20] Responden telah diperintahkan untuk membela diri atas pertuduhan.

VERSI KES PEMBELAAN

[21] Responden telah memberi keterangan secara bersumpah. Responden menyatakan pada 5 Januari 2014, lebih kurang pukul 4 petang, dia telah menerima panggilan telefon daripada suaminya, seorang warganegara Nigeria yang bernama Nnadi Chigozie Kingsley. Menurut responden, dia telah disuruh, melalui panggilan tersebut, oleh suaminya untuk mengambil sebuah komputer riba daripada kawan suaminya di Mustapha Shopping Centre, Singapura.

[22] Selepas berjumpa dengan kawan suaminya dan mengambil beg komputer riba tersebut dan tanpa membukanya, responden terus memasukkannya ke dalam beg sandang yang dibawanya.

[23] Responden kemudiannya menaiki teksi dari 'Mustapha Shopping Centre' ke 'Queen Streets' dan kemudiannya menaiki teksi lain dan turun di Terminal Bas Sentral, Jalan Trus, di Johor Bahru. Tiada penumpang lain di dalam teksi tersebut. Responden menyatakan beg sandang yang mengandungi beg komputer riba diletakkan dalam but teksi (*taxi boot*) sepanjang perjalanan ke Johor Bahru.

[24] Apabila tiba di Johor Bahru, responden telah menunggu untuk dijemput oleh suaminya namun demikian suaminya tidak kelihatan. Lantaran itu, responden telah menaiki teksi untuk pergi mengambil keretanya di 'JB Central Car Park'. Ketika berada di dalam teksi, responden telah ditahan oleh pihak polis, telefonnya dirampas dan diarahkan keluar dari teksi itu untuk pemeriksaan lanjut.

[25] Pemeriksaan telah dijalankan terhadap beg sandang yang dibawanya. Responden melihat pihak polis memotong beg komputer riba tersebut dan mengeluarkan suatu bungkusan. Responden tidak melihat apakah barang di dalam beg komputer riba tersebut dan tidak bertanya apakah barang tersebut.

[26] Kemudiannya responden telah dibawa untuk mengambil keretanya yang diletakkan di 'JB Central Car Park'. Keretanya telah dibawa balik ke balai oleh pihak polis.

[27] Responden seterusnya telah dibawa ke Gereja St Teresa Church untuk mencari suaminya seperti telah dijanjikan oleh suaminya, namun suaminya tidak dapat dikesan. Responden kemudiannya telah dibawa ke rumahnya bagi pemeriksaan lanjut untuik mengesan apa-apa barang salah.

KEPUTUSAN HAKIM BICARA DI AKHIR KES PEMBELAAN

[28] Di akhir kes pembelaan, YA hakim bicara telah memutuskan bahawa pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan munasabah tentang pengetahuan salah terhadap barang kes dadah. YA hakim bicara membuat dapatan bahawa responden merupakan pembawa tak bersalah atau ikhlas (*innocent carrier*).

[29] YA hakim bicara juga telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan hanya berjaya membuktikan responden mempunyai milikan terhadap barang kes dadah mengikut s 12(2) ADB dan dihukum di bawah s 39A(2) ADB dengan menjatuhkan hukuman penjara selama sepuluh tahun dari tarikh tangkapan.

[30] Sehubungan itu, pihak pendakwaan tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut dan membuat rayuan terhadap keseluruhan keputusan dan hukuman oleh YA hakim bicara.

RAYUAN PERAYU

[31] Di hadapan kami, tuan timbalan pendakwa raya ('TPR') yang bijaksana telah mengemukakan tiga alasan utama untuk mengetepikan keputusan YA hakim bicara seperti yang berikut:

(a) hakim bicara terkhilaf apabila membuat dapatan bahawa pihak responden adalah seorang 'innocent carrier';

(b) hakim bicara gagal memberikan perhatian dan pertimbangan terhadap fakta bahawa pihak responden enggan membenarkan pihak polis untuk menjalankan pemeriksaan terhadap beg komputer riba yang dibawa oleh responden; dan

(c) hakim bicara terkhilaf setelah mendapati responden mempunyai kawalan, jagaan dan milikan berserta pengetahuan salah (*mens rea knowledge*) terhadap dadah yang dibawa oleh responden namun gagal untuk mensabitkan responden di bawah pertuduhan asal bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) ADB tetapi sebaliknya telah mensabitkan responden di bawah s 12(2) ADB yang boleh membawa hukuman di bawah s 39A(2) ADB.

A DAPATAN KAMI

[32] Kami mendapati pembelaan pihak responden bergantung sepenuhnya atas pembelaan pembawa tak bersalah atau ikhlas (*innocent carrier*). Di dalam kes *Najmudeen Abdul Kader lwn Pendakwa Raya* [2013] 4 MLJ 18, Mahkamah Rayuan telah menjelaskan mengenai pembawa tidak bersalah atau ikhlas (*innocent carrier*) seperti berikut:

B

> [11] Mengikut keputusan kes-kes oleh mahkamah-mahkamah Malaysia, pembawa tak bersalah atau ikhlas ('innocent carrier') merujuk kepada suatu situasi di mana tertuduh mengakui membawa beg atau bungkusan yang mengandungi dadah berbahaya tetapi menafikan mempunyai pengetahuan yang dadah berbahaya terdapat di dalam beg atau bungkusan tersebut (lihat, antara lain, *Hoh Boh Tong v Public Prosecutor* [2010] MLJU 2184; [2010] 5 CLJ 240; *Andy bin Bagindah v Public Prosecutor* [2000] 3 MLJ 644; [2000] 3 CLJ 289; *Yusri bin Mat Daud lwn Pendakwa Raya* [2012] 2 MLJ 59; [2011] 1 LNS 1023; *Ganapathy a/l Rengasamy v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 577; [1998] 2 CLJ 1; *Public Prosecutor v Lim Ah Bek* [1989] 2 CLJ 1090; *Public Prosecutor v Goh Yeong Hock & Anor* [1988] 1 CLJ 185; *Public Prosecutor v Tan Kok An* [1996] 1 MLJ 89).
>
> [12] Sama ada pembelaan pembawa tak bersalah atau ikhlas ('innocent carrier') diterima oleh mahkamah atau tidak adalah bergantung kepada fakta dan keadaan yang wujud dalam sesuatu kes. Dalam beberapa kes, mahkamah telah menolak pembelaan pembawa tak bersalah atau ikhlas kerana keterangan yang dikemukakan didapati sukar untuk dipercayai, tidak munasabah, direka-reka, sesuatu yang baru terfikir ('afterthought'), atau terdapat beberapa kelemahan ('weaknesses') dan kekurangan ('shortcomings') dalam teori pembelaan pembawa tak bersalah atau ikhlas tertuduh (lihat, antara lain, kes *Public Prosecutor v Jul bin Alih* [1989] 2 MLJ 63; *Public Prosecutor v Gan Kwong* [1997] MLJU 144; [1997] 2 CLJ Supp 433; *Ubaka v Public Prosecutor* [1995] 1 SLR 267).

C

D

E

F

[33] Dalam kes semasa, kami bersetuju dengan hujahan pihak pendakwaan bahawa 'innocent carrier' tidak terpakai kepada responden dalam kes ini. Hal ini disebabkan kelakuan responden yang menunjukkan pengetahuannya terhadap barang kes dadah apabila dia enggan membenarkan pihak polis menjalankan pemeriksaan ke atas beg sandang yang dibawanya.

G

[34] Prinsip 'wilfull blindness' turut terpakai dalam kes ini apabila responden langsung tidak membuat sebarang pemeriksaan terhadap kandungan beg komputer riba tersebut walaupun responden mempunyai peluang dan masa yang panjang untuk membuat pemeriksaan; sebaliknya, responden memilih untuk tidak membuat pemeriksaan. Dalihan responden dengan mengatakan beg sandang diletakkan dalam but teksi adalah tidak munasabah dan satu pemikiran terkemudian untuk menidakkan peluangnya untuk membuat pemeriksaan.

H

I

[35] Pihak pendakwaan telah memetik kes *Public Prosecutor v Hla Win*

[1995] 2 SLR 424 yang memutuskan prinsip 'wilfull blindness' seperti berikut:

> The mens rea of the offence requires an accused person to possess knowledge of two different facts. First, the accused must know he is bringing drugs and secondly, that he is bringing the drugs into Singapore. In the instant appeal, I was concerned only with the former requirement. It must be appreciated that the concept of wilful blindness qualifies the requirement of knowledge (see *R v Griffiths* (1974) 60 Cr App R 14). As Professor Glanville Williams aptly remarked in his, at p 125:
>
> > ... the strict requirement of knowledge is qualified by the doctrine of wilful blindness. This is meant to deal with those whose philosophy is: 'Where ignorance is bliss, 'tis folly to be wise'. To argue away inconvenient truths is a human failing. If a person deliberately 'shuts his eyes' to the obvious, because he 'doesn't want to know', he is taken to know.

[36] Di dalam kes *Munuswamy Sundar Raj v Public Prosecutor* [2015] 6 MLJ 214, Mahkamah Persekutuan menyatakan mengenai isu yang sama seperti yang berikut:

> As said above it is imperative that the success of the defence of innocent carrier depends very much on the facts of each case, a matter that falls within the realm of the trial judge. Ignorance simpliciter is not sufficient to let an accused person off the hook as otherwise every other accused person will allude to that defence. It needs more than that. Without any reason for suspicion, or there is no right or opportunity of examination, ignorance may be a good defence.

[37] Responden tidak memberikan keterangan yang benar dan jujur apabila menyatakan bahawa responden perlu menyerahkan beg komputer riba itu kepada suaminya di Jalan Trus. Namun demikian, suaminya tidak berada di sana. Responden juga telah memberikan keterangan bahawa suaminya berada di Gereja St Teresa Church, namun apabila pihak polis pergi ke sana, didapati bahawa suaminya juga tidak berada di sana. Dalam hal ini, 'innocent carrier' tidak terpakai dalam kes semasa.

[38] Selanjutnya dan masih lagi atas isu ini, kami bersetuju dengan hujahan tuan TPR yang bijaksana bahawa YA hakim bicara telah terkhilaf apabila membuat dapatan bahawa pihak responden ialah seorang 'innocent carrier'. Dapatan hakim bicara tersebut bercanggah dengan keterangan yang berada di hadapan YA hakim bicara tersebut.

KESIMPULAN

[39] Berdasarkan perbincangan di atas, kami sebulat suara mendapati bahawa terdapat merit dalam rayuan perayu. Kami dengan ini mengetepikan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara dan menggantikan dengan sabitan terhadap responden atas pertuduhan asal di bawah s 39B(1)(a) ADB. Kami menjatuhkan hukuman gantung di leher sehingga mati ke atas

responden sebagaimana diperuntukkan di bawah s 39B(2) ADB.

[40] Kami ingin mengulas sedikit mengenai tindakan YA hakim bicara meminda pertuduhan selepas pihak pembelaan menutup kes. Tindakan mengemukakan pertuduhan pindaan, membaca dan menerangkan pertuduhan pindaan kepada responden dan responden telah mengaku salah terhadap pertuduhan pindaan di bawah s 12(2) ADB tersebut merupakan suatu tindakan di luar aturan dan di luar kehendak peruntukan di bawah ss 167 dan 169 Kanun Tatacara Jenayah. Hakim bicara telah mengakui akan kekhilafan beliau dalam alasan penghakimannya seperti yang berikut (di ms 32 RR Jld 1):

> The Court however fell into error when it ordered that an amended charge under Section 12(2) and punishable under Section 39A(2) of the Act be read to the accused where upon after it had been read and explained to the accused, the accused pleaded guilty to the amended charge thereof. It was the opinion of the Court that the proper procedure should be once the Court had found that the prosecution had only succeeded in proving the an offence of possession under Section 12(2) and punishable under Section 39A(2) of the same Act, the Court should proceed to hear submission in mitigation from the learned defence counsel and rebuttal from the prosecution and thereafter proceeded to sentence the accused. Be that as it may, the Court was of the considered view that the act of reading the amended charge to the accused does not invalidated and nullified the trial and prejudice the accused.

Sabitan dan hukuman diketepikan dan digantikan dengan sabitan dibawah s 39B(1)(a) ADB dan hukuman gantung sehingga mati.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar